

23/06/2001

Anwar tidak berani sumpah: Ibrahim

WAKIL Umno Kelantan, Datuk Paduka Ibrahim Ali mendedahkan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak berani bersumpah yang dia tidak melakukan liwat walaupun dicabar beberapa kali.

Ibrahim mencabar Anwar bersumpah ketika mengunjungi kediaman rasmi bekas Timbalan Perdana Menteri itu, tiga hari sebelum pemecatannya pada September 1998.

Ibrahim berkata, sebaik sampai, Anwar memeluknya sebelum masuk semula ke rumahnya secara tergopoh-gapah. Ketika itu, isteri Datuk Nallakarupan berada dalam rumah itu sambil menangis.

Katanya, apabila Anwar keluar, Anwar memeluknya sambil menangis dan meminta maaf kerana selama ini tidak menjaganya. Anwar juga meminta pertolongan daripada Ibrahim buat kali terakhir.

"Anwar memberitahu selepas ini kalau dia selesai (bebas daripada tuduhan), dia akan menjaga saya.

"Saya tanya sama ada dia buat (meliwat) betul atau tidak. Kamu nak bersumpah, tetapi dia diam," katanya ketika membahaskan ucapan Presiden.

Ibrahim berkata, selepas itu Anwar beberapa kali dicabar bersumpah untuk membuktikan dia tidak melakukan liwat.

Katanya, Tan Sri Sanusi Junid pernah menasihatinya supaya jangan mencabar Anwar kerana bekas menteri kewangan itu sanggup lakukan apa saja.

"Tapi saya suruh dia...dia senyap...dia tidak bercakap," katanya.

Justeru, Ibrahim menyifatkan tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar sebagai satu tindakan yang tepat.

"Itulah hasilnya, Tuhan membayar `cash`. Biar dialah... Anwar sudah menjadi lipatan sejarah," katanya.

(END)